PENGENALAN ALAT DAN BAHAN POLA ASAS PAKAIAN



NUR ATIQAH BINTI ARIFF
ZALINA BINTI MOHD ARIS
NURSYUHADA BINTI OTHMAN

PENGENALAN ALAT DAN BAHAN
POLA ASAS PAKAIAN

NUR ATIQAH BINTI ARIFF
ZALINA BINTI MOHD ARIS
NURSYUHADA BINTI OTHMAN

PROGRAM FESYEN & PAKAIAN,
KOLEJ KOMUNITI SELAYANG

KOLEJ KOMUNITI SELAYANG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

HAK CIPTA TERPELIHARA
Edisi 2024

Hak cipta © 2024, Kolej Komuniti Selayang. Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, termasuk fotokopi, atau kaedah elektronik atau mekanisme lain tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit. Untuk permintaan kebenaran, e-mel penerbit di atiqah.ariff@kkselayang.edu.my.

Edisi Pertama : Julai 2024
©2024, Kolej Komuniti Selayang

Perpustakaan Negara Malaysia

PENGENALAN ALAT DAN BAHAN
POLA ASAS PAKAIAN

eISBN : 978-629-98486-3-9

Diterbitkan oleh :
Kolej Komuniti Selayang
Persiaran Pegawai
KM 16 Jalan Ipoh
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan
Laman web: https://kkselayang.mypolycc.edu.my/
Tel: 603-61368200
E-mel: atiqah.ariff@kkselayang.edu.my

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-98486-3-9

Sidang Editorial

PENULIS

Nur Atiqah Binti Ariff
Zalina Binti Mohd Aris
Nursyuhada Binti Othman

ILUSTRASI & AUDIO

Zalina Binti Mohd Aris

PENYEMAK KANDUNGAN

Nur Atiqah Binti Ariff

PEREKA GRAFIK

Nursyuhada Binti Othman

Biodata Penulis



Nur Atiqah Binti Ariff

Profil Pendidikan

- Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka (Kepujian) (Seni reka Fesyen), UiTM
- Diploma Pendidikan, Maktab Perguruan Batu Pahat, Johor
- Diploma Rekaan Fesyen & Pakaian, Politeknik Johor Bahru

Pengalaman Kerjaya

- Kolej Komuniti Mas Gading, Sarawak
- Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka
- Kolej Komuniti Selayang, Selangor



Zalina Binti Mohd Aris

Profil Pendidikan

- BSc (H) Apparel Design and Textiles, USA
- Sarjana Teknologi Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Pengalaman Kerjaya

- Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- Politeknik METrO Kuala Lumpur
- Kolej Komuniti Selayang, Selangor



Nursyuhada Binti Othman

Profil Pendidikan

- Diploma Rekebentuk Fesyen dan Pakaian, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)

Pengalaman Kerjaya

- Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Kolej Komuniti Selayang, Selangor

Penghargaan

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kami panjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya, yang telah mempermudahkan segala urusan sehingga terhasilnya buku ini. Buku "Pengenalan Alat dan Bahan Pola Asas Pakaian" ini adalah hasil kerja keras, dedikasi dan sokongan dari banyak pihak yang tidak ternilai harganya.

Pertama sekali, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada keluarga tersayang yang sentiasa memberi sokongan moral dan dorongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang proses penulisan buku ini. Keikhlasan dan kasih sayang kalian menjadi sumber inspirasi kami.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan sekerja di Kolej Komuniti Selayang yang telah banyak membantu dalam memberikan maklum balas serta cadangan yang bernas untuk memperbaiki mutu penulisan buku ini. Sumbangan ilmu dan pengalaman kalian amat kami hargai.

Kami juga berterima kasih kepada para pelajar kami yang turut menjadi inspirasi dan sumber idea dalam penghasilan buku ini. Keterujaan dan semangat kalian dalam bidang rekaan fesyen dan pakaian sentiasa mendorong kami untuk berkongsi ilmu dengan lebih berkesan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak penerbit yang telah memberi peluang dan kepercayaan kepada kami untuk menerbitkan buku ini. Kerjasama yang baik dan profesionalisme yang ditunjukkan oleh setiap anggota pasukan penerbitan amat kami hargai.

Akhir sekali, kami berdoa agar buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca, khususnya mereka yang baru menceburi bidang rekaan fesyen dan pakaian. Semoga ilmu yang terkandung dalam buku ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan menjadi panduan yang berguna dalam perjalanan akademik dan profesional anda.

Sekian, terima kasih.

Dedikasi

Kepada semua pelajar Seni Reka Fesyen dan Pakaian,

Semoga buku ini dapat memberi inspirasi dan pengetahuan asas yang berguna dalam dunia jahitan. Teruskan perjalanan anda dalam mengejar kecemerlangan dalam bidang yang indah ini!

Tidak lupa terima kasih kepada semua staf dan kakitangan Kolej Komuniti Selayang yang terlibat dalam menyumbang idea dan sokongan bagi penghasilan buku ini.

Kandungan

Prakata vi

Pendahuluan..... 1

Pengenalan Alat dan Bahan Pola Asas Pakaian 2

Bab 1 : Alatan Mengukur dan Fungsinya 3

Bab 2 : Alatan Menanda dan Fungsinya 6

Bab 3 : Alatan Mendraf dan Fungsinya 11

Bab 4 : Alatan Memotong dan Fungsinya 17

Bab 5 : Alatan Mengacu dan Fungsinya 21

Bab 6 : Alatan Menekan dan Fungsinya 26

Bab 7 : Alatan Menjahit dan Fungsinya 29

Rujukan 35

Prakata

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku yang bertajuk "Pengenalan Alat dan Bahan Pola Asas Pakaian" ini dapat disiapkan dan diterbitkan. Buku ini adalah hasil daripada pengalaman, kajian, dan pengajaran kami dalam bidang fesyen dan pakaian selama bertahun-tahun.

Tujuan utama penulisan buku ini adalah untuk memberikan panduan yang komprehensif kepada para pembaca, khususnya para pelajar, pendidik, dan individu yang berminat dalam bidang fesyen dan pembuatan pakaian. Buku ini mengandungi maklumat asas mengenai alat-alat dan bahan-bahan yang diperlukan dalam pembuatan pola asas pakaian, yang merupakan langkah penting dalam proses menghasilkan pakaian yang berkualiti.

Diharapkan buku ini dapat menjadi rujukan yang berguna dan mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Penyediaan buku ini adalah hasil daripada kerjasama dan sokongan banyak pihak. Oleh itu, kami ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan buku ini.

Akhir kata, kami berharap agar buku ini dapat memberi manfaat dan menjadi sumber ilmu yang berharga kepada semua pembaca. Semoga buku ini dapat membantu anda dalam memahami dan menguasai asas-asas dalam pembuatan pakaian serta memupuk minat dan kreativiti dalam bidang fesyen.

Selamat membaca dan semoga berjaya dalam segala usaha anda.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

PENDAHULUAN

Bidang rekaan fesyen dan jahitan pakaian merupakan satu seni yang memerlukan kefahaman mendalam tentang pelbagai aspek teknikal. Salah satu aspek paling penting dalam proses ini adalah pemahaman mengenai alat dan bahan yang digunakan untuk membuat pola asas pakaian. Pola asas adalah titik permulaan bagi setiap rekaan pakaian, dan pengetahuan yang kukuh mengenai alat serta bahan yang diperlukan akan memastikan hasil kerja yang berkualiti dan kemas.

Buku "Pengenalan Alat dan Bahan Pola Asas Pakaian" ini ditulis dengan tujuan untuk memberi panduan lengkap kepada pelajar, pereka fesyen, dan sesiapa sahaja yang berminat dalam bidang ini. Buku ini merangkumi penerangan terperinci tentang pelbagai jenis alat dan bahan yang digunakan dalam pembuatan pola asas, termasuk fungsi dan cara penggunaannya. Dengan memahami kegunaan setiap alat dan bahan, pembaca dapat membuat pilihan yang tepat dan efisien dalam proses mereka cipta pakaian.

Buku ini disusun dalam beberapa bab yang memberikan penjelasan langkah demi langkah, bermula dari pengenalan kepada alat asas seperti gunting, pita pengukur, dan jarum, sehingga kepada bahan-bahan khusus seperti kertas pola, kain muslin, dan interfacing. Setiap bab dilengkapi dengan ilustrasi yang jelas untuk memudahkan pemahaman dan aplikasi praktikal.

Di samping itu, buku ini juga menyediakan beberapa tip dan teknik yang berguna untuk membantu pembaca mengatasi cabaran yang mungkin dihadapi semasa proses pembuatan pola. Diharapkan, melalui buku ini, pembaca dapat memperkukuhkan asas pengetahuan mereka dan seterusnya menghasilkan rekaan pakaian yang bukan sahaja cantik tetapi juga praktikal dan selesa dipakai.

Akhir kata, kami berharap agar buku ini dapat menjadi rujukan berguna dan sumber inspirasi kepada semua pembaca. Semoga ilmu yang dikongsi dalam buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan mendorong anda untuk terus berkarya dalam bidang rekaan fesyen dan jahitan pakaian.


PENGENALAN ALAT DAN BAHAN JAHITAN
Alatan mendraf
Pembaris sesiku
T-Square / L-Scale
Pembaris melengkung
French Curve / Design Curve
Alatan mengukur
Pita ukur
Pembaris
Pembaris
Alatan menggunting
Gunting
Snipper
Alat menanda
Roda surih
Karbon tukang jahit
Kapur tukang jahit
ALAT DAN BAHAN
JAHITAN ASAS
Alatan menekan
Seterika
Bod seterika
Alatan lain
Jarum peniti
Threader
Jidal
Peretas
Alatan menjahit
Mesin jahit
Jarum tangan

BAB 1 : ALATAN MENGUKUR DAN FUNGSINYA



PENGENALAN

Alatan mengukur dalam jahitan sangat penting untuk memastikan hasil jahitan yang tepat dan kemas. Berikut adalah beberapa alatan asas yang digunakan dalam pengukuran dalam jahitan:

ALATAN MENGUKUR & FUNGSINYA

PITA UKUR



FUNGSI

- Sejenis alat pengukur boleh lentur
- mempunyai ukuran dalam inci dan sentimeter.
- Digunakan untuk mengambil ukuran badan.

PEMBARIS GARIS LURUS




FUNGSI

- Digunakan untuk mengukur dan membuat garisan lurus.
- Mempunyai ukuran dalam inci dan sentimeter.

ALATAN MENGUKUR & FUNGSINYA


KAD TOLOK JAHITAN / KAD UKUR



FUNGSI

- Mengukur lebar kelepet, lisu dan ukuran kecil
- Panduan jahitan jahitan metrik. Mudah digunakan dengan banyak sudut. Juga boleh digunakan terus pada mesin jahit
- Alat penanda untuk jahitan, sudut dan lubang butang
- Dengan tanda 45° dan 90°
- Diperbuat daripada aluminium

PEMBARIS FLEKSIBEL



FUNGSI

•Dibuat daripada plastik atau kayu yang licin

•Menanda & ukur garisan lurus dan garisan melengkung

BAB 2 : ALATAN MENANDA DAN FUNGSINYA



PENGENALAN

Alatan mengukur kebiasaannya digunakan bersama alatan menanda. Fungsi alatan menanda ialah untuk menghasilkan garisan ataupun titik rujukan sebagai panduan untuk kerja-kerja memotong dan melubang . Antara alatan-alatan menanda yang kerap digunakan adalah pensil kain, kapur tukang jahit, jarum peniti, roda surih dan kertas karbon.

ALATAN MENANDA & FUNGSINYA

PENSIL KAIN



FUNGSI

- Sesuai digunakan pada fabrik dengan permukaan yang licin seperti satin, “poly leather”. Tidak perlu diasah, hanya koyakkan pembalut kertas.

KAPUR TUKANG JAHIT



FUNGSI

- Digunakan untuk menanda atau melukis pola di fabrik

ALATAN MENANDA & FUNGSINYA

JARUM PENITI



FUNGSI

- Jarum peniti digunakan bagi menyemat kepingan fabrik sebelum dijahit.
- Ia juga berguna untuk menetapkan kedudukan fabrik supaya tidak bergerak.

RODA SURIH



FUNGSI

- Digunakan dengan kertas karbon
- untuk memindahkan garis dan
  tanda ke fabrik

ALATAN MENANDA & FUNGSINYA

KERTAS KARBON



FUNGSI

- Digunakan bersama roda surih untuk memindahkan garis dan tanda ke fabrik

LILIN TUKANG JAHIT



FUNGSI

- Ia boleh menggantikan kapur untuk menanda garisan pola pada fabrik daripada gentian bulu bir-biri kerana tanda lilin ini tidak mudah hilang sepertimana tanda kapur.

CARA - CARA PENGGUNAAN KAPUR TUKANG JAHIT

IMBAS DISINI UNTUK AR



BAB 3 : ALATAN MENDRAF DAN FUNGSINYA



PENGENALAN

Pengenalan kepada alatan mendraf pola adalah langkah penting bagi siapa saja yang ingin mempelajari atau meningkatkan keterampilan dalam pembuatan pakaian. Berikut ini adalah penjelasan singkat mengenai setiap alat yang biasa digunakan:

ALATAN MENDRAF POLA & FUNGSINYA

PITA LENGKUNG



FUNGSI

- Digunakan semasa melukis dan menanda garisan melengkung seperti di bahagian tepi punggung, hujung pola kain atau baju, pola lengan dan lain-lain.

PEMBARIS LURUS




FUNGSI

- Bahagian lengkung pada pembaris digunakan untuk membentuk garisan melengkung semasa melukis pola seperti garisan leher, kaki skirt, bahagian lengan dan bahagian lengkung yang lain.

ALATAN MENDRAF POLA & FUNGSINYA


PEMBARIS SESIKU L



FUNGSI

- Digunakan untuk membuat garisan bersudut tegak (90 darjah) dan juga garisan lurus. Bahagian melengkung juga boleh digunakan untuk membentuk garisan leher, kaki skirt, bahagian lengan dan bahagian lengkung yang lain.

LENGKUNG PERANCIS/ "FRENCH CURVE"



FUNGSI

- Digunakan untuk melukis garisan berbentuk yang pendek seperti leher dan lubang lengan.

ALATAN MENDRAF POLA & FUNGSINYA


PENSIL



FUNGSI

- Pensel digunakan untuk menulis dan melukis pola. Penggunaan jenis pensel yang sesuai dan tepat dapat menentukan kualiti garisan yang dihasilkan.

PENSIL DUAL COLOURS



FUNGSI

- Pensil yang digunakan dalam jahitan biasanya mempunyai formula khas yang mudah dipadamkan setelah proses jahitan selesai, supaya tanda yang dibuat tidak meninggalkan kesan yang kekal pada kain.

BAHAN MENDRAF POLA & FUNGSINYA

KERTAS PERANG



FUNGSI

- Memindahkan garisan pola: Kertas perang digunakan untuk memindahkan garisan dan tanda pola yang telah siap daripada kertas kepada fabrik, memastikan setiap bahagian diletakkan dengan betul dan seragam.
- Menyesuaikan pola: Ia membantu dalam proses penyesuaian pola mengikut ukuran badan yang berbeza. Kertas ini membolehkan penandaan dan pelarasan dibuat dengan mudah sebelum fabrik dipotong.
- Mendraf dan membentuk garisan: Kertas ini digunakan sebagai permukaan untuk melukis dan membentuk garisan yang akan menjadi asas pola. Garisan yang dibuat di atas kertas ini perlu jelas dan tepat untuk hasil akhir yang baik.

ALAT TULIS



FUNGSI

- Pensel atau pen digunakan untuk melakar garisan pada kertas pola. Anda juga boleh menggunakan pen tukang jahit atau pensel warna.

BAHAN MENDRAF POLA & FUNGSINYA


KERTAS KARBON TUKANG JAHIT



FUNGSI

- Untuk membantu menyalin tanda atau garisan pola ke atas kain.

BAB 4 : ALATAN MEMOTONG DAN FUNGSIYA



PENGENALAN

Alat potong adalah peralatan yang sering digunakan dalam berbagai jenis pekerjaan, baik untuk keperluan rumah tangga maupun profesional. Dalam artikel ini, kita akan membahas tentang jenis-jenis alat potong, fungsi masing-masing jenis alat potong, dan tips memilih alat potong yang tepat untuk pekerjaan yang akan dilakukan. Gunting adalah alat potong yang sering digunakan untuk memotong kertas, kain, atau bahan-bahan lain yang memiliki ketebalan yang tidak terlalu besar. Ada berbagai jenis gunting, seperti gunting kertas, gunting kain, dan gunting pemetik buah. Gunting digunakan untuk memotong bahan-bahan yang memiliki ketebalan yang tidak terlalu besar, seperti kertas, kain, atau bahan-bahan lain yang sering digunakan untuk keperluan rumah tangga.

ALATAN MEMOTONG & FUNGSINYA

GUNTNG FABRIK



FUNGSI

- Gunting yang diperbuat dari keluli berkilat serta mempunyai bentuk yang runcing dan bermata bulat di hujungnya lebih sesuai digunakan untuk memotong fabrik. Gunting perlu tajam bagi mengelakkan kain dari rosak dan berbulu apabila dipotong. Gunakan gunting untuk memotong fabrik sahaja dan jangan digunakan sekali untuk mengunting kertas, ini akan menyebabkan ia tumpul. Gunting tidak boleh jatuh kerana apabila bilahnya renggang, ia akan menghilangkan keseimbangan gunting semasa memotong kain.

GUNTING KERTAS



FUNGSI

- Gunting adalah alat pemotong yang digunakan dengan tangan.
- Gunting digunakan untuk memotong bahan yang tipis, seperti Kertas (A4, art paper, kad manila), Plastik nipis (pembalut buku, plastik bungkusan ringan), Reben atau tali nipis, Kain nipis (sekadar potongan kecil, bukan kerja jahitan)
- gunting kertas direka dengan bilah yang ringan dan tajam sederhana supaya potongan tepat, bersih, dan mudah dikawal.

ALATAN MEMOTONG & FUNGSINYA

GUNTING ZIG ZAG



FUNGSI

- Mempunyai mata bergerigi berbentuk pucuk rebung. Ia digunakan untuk menggunting tepi fabrik dan menggelakkannya dari berjerumbai. Panjang gunting diantara 14-25cm. Lebih panjang mata, lebih tajam giginya.

PERETAS JAHITAN



FUNGSI

- Digunakan untuk menetas dan membuka semula jahitan jika terdapat kesilapan ataupun jahitan tidak kemas semasa menjahit. Bahagian matanya yang tajam digunakan juga untuk menebuk lubang butang. Bahagian matanya diperbuat daripada keluli manakala bahagian pemegangnya pula diperbuat daripada plastik. Ia juga mempunyai sarung penutup.

ALATAN MEMOTONG & FUNGSINYA

GUNTING BENANG



FUNGSI

- Gunting ini mempunyai fungsi yang sama iaitu untuk menggunting kelim.
- Panjang gunting yang paling sesuai digunakan adalah 15 cm.
- Apabila hendak memilih gunting kelim dan gunting benang, pilihlah yang berkualiti serta tidak boleh berkarat.
- Seboleh-bolehnya eloklah diuji dahulu matanya dengan menggunting sepotong fabrik yang dilapis dua.
- Jika ada benang- benang fabrik yang tidak terpotong ini bermakna bahawa gunting itu tidak bagus.
- Hujung gunting hendaklah tajam.

GUNTING SULAMAN



FUNGSI

- Gunting ini mempunyai bentuk lengkung di bahagian matanya
- Sesuai untuk projek sulaman, PU, kertas, kain dan lain-lain lagi.
- Panjang gunting: 16cm (lebih kurang 6.3inci)
- (2), pilihlah gunting hujung tirus yang runcing bagi memudahkan kita mencapai guntingan ke celahan kain atau jahitan.
- Gunting ini sangat tajam dan perlulah digunakan dengan berhati-hati bagi mengelakkan kain dasar terpotong atau terobek.

BAB 5 : ALATAN MENGACU DAN FUNGSIYA



PENGENALAN

Definisi : mengacu = mengacukan

memakai sesuatu (spt baju, kasut, dsb) seketika untuk mengetahui sama ada muat atau tidak (selesa dipakai atau tidak dsb). Definisi : pemadanan adalah memadankan sesuatu, penyesuaian, perbandingan iaitu konsep yang wujud dalam fikiran dengan penyataannya yang diterbitkan dalam bentuk kata; pemadan sesuatu yang memadan(kan); garisan-garisan (pada kain jahitan) tempat dijahit.

DUMMY ATAU MANNEQUIN MEMILIKI BEBERAPA FUNGSI PENTING DALAM PEMBUATAN PAKAIAN. BERIKUT ADALAH BEBERAPA FUNGSI UTAMANYA:

1. Mengukur dan Menyesuaikan Ukuran

- Dummy digunakan untuk mengukur dan memastikan bahwa pakaian yang dibuat memiliki ukuran yang tepat. Ini sangat penting untuk memastikan bahawa pakaian yang dihasilkan sesuai dengan ukuran tubuh yang diinginkan.



2. Design and Draping

- Dummy digunakan untuk menghasilkan rekaan pakaian dengan menggunakan teknik draping. Kebiasaannya, teknik yang digunakan ini adalah bagi menghasilkan rekaan-rekaan yang bercirikan "Haute Couture" , iaitu salah satu teknik dalam menghasilkan rekaan pakaian terus dari dummy. Ini memungkinkan desainer untuk melihat bagaimana kain jatuh dan bagaimana desain pakaian akan terlihat pada tubuh manusia.




3. Penyesuaian padanan pakaian

- Dummy juga digunakan sebagai alat pemadanan untuk mengacu pakaian yang telah siap dijahit. Dengan menggunakan dummy, tukang jahit atau pereka fesyen dapat mencuba pakaian yang sedang dibuat untuk melihat sekiranya masih ada bahagian yang perlu dibaiki. Hal ini memastikan bahawa pakaian tersebut akan nyaman dan pas ketika dikenakan.



Alatan Mengacu dan fungsinya



IMBAS DISINI UNTUK AR

BAB 6 : ALATAN MENEKAN DAN FUNGSINYA



PENGENALAN

Definisi : Menekan

Alat menekan merujuk kepada peralatan yang digunakan untuk mengemaskan dan melicinkan jahitan serta lipatan pada kain. Alat-alat ini membantu memastikan hasil jahitan kelihatan kemas dan cantik. Contoh alat menekan termasuk seterika, bod seterika, dan kayu penekan jahitan. Seterika digunakan untuk melicinkan kain sebelum dan selepas dijahit, manakala bod seterika digunakan untuk memudahkan proses menyeterika dan menekan. Penekan jahitan pula membantu memastikan jahitan yang dihasilkan adalah rata dan kemas.

ALATAN MENEKAN & FUNGSINYA

SETERIKA



FUNGSI

- Seterika adalah alat yang digunakan untuk menghilangkan kedutan dan lipatan pada kain dengan menggunakan haba. Fungsinya adalah untuk melicinkan kain, menjadikannya kelihatan kemas dan rapi. Seterika digunakan pada pakaian, langsir, kain meja, dan pelbagai jenis tekstil lain untuk memberikan penampilan yang lebih cantik dan teratur. Selain itu, seterika juga digunakan untuk mengemaskan jahitan dan lipatan pada kain semasa proses menjahit, memastikan hasil akhir yang lebih berkualiti dan kemas.

BOD SETERIKA



FUNGSI

- Bod seterika, atau papan seterika, adalah permukaan rata yang digunakan sebagai tempat meletakkan kain atau pakaian semasa menggosoknya dengan seterika. Fungsinya adalah untuk memberikan sokongan dan kestabilan semasa proses menggosok, memastikan kain dapat diletakkan rata dan dilicinkan dengan lebih mudah. Bod seterika biasanya dilapisi dengan bahan tahan panas dan lembut untuk melindungi kain daripada kerosakan semasa proses menggosok.

ALATAN MENEKAN & FUNGSINYA

KAYU PENEKAN



FUNGSI

- Kayu penekan, juga dikenali sebagai *clapper* dalam jahitan, adalah alat yang digunakan untuk memberikan tekanan pada jahitan atau lipatan kain selepas ia diseterika. Fungsinya adalah untuk memastikan jahitan atau lipatan tersebut menjadi rata, tajam, dan kemas. Kayu penekan digunakan dengan cara menekannya pada kain yang masih panas selepas diseterika, menahan haba dan kelembapan untuk beberapa saat bagi membantu kain menetap dalam bentuk yang diingini. Alat ini amat berguna untuk menghasilkan garis lipatan yang tajam atau untuk memastikan jahitan pada kain tebal atau berlapis kekal rata dan tidak bengkak.

BAB 7 : ALATAN MENJAHIT DAN FUNGSINYA



PENGENALAN

Definisi : Menjahit

Menjahit adalah proses menyambungkan dua keping kain atau bahan lain menggunakan jarum dan benang untuk menghasilkan pakaian. Proses ini boleh dilakukan sama ada secara manual menggunakan tangan atau dengan bantuan mesin jahit. Kain-kain yang telah dipotong mengikut pola baju akan dicantum dengan teliti untuk menghasilkan pakaian yang diinginkan.

ALATAN MENJAHIT & FUNGSINYA

MESIN JAHIT



FUNGSI

- Fungsi mesin jahit adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan proses menjahit kain atau bahan lain dengan lebih tepat dan efisien berbanding jahitan tangan. Mesin jahit boleh mencantum dua atau lebih kepingan kain menggunakan benang dan dapat menghasilkan jahitan yang kukuh dan sekata. Selain itu, mesin jahit boleh menjahit pelbagai jenis jahitan seperti jahitan lurus, zigzag, dan sulaman serta memudahkan penghasilan pakaian, aksesori, dan produk tekstil lain dengan hasil yang lebih kemas.

JARUM JAHIT MESIN




FUNGSI

- Jarum jahit mesin digunakan untuk menyambungkan kain dengan menggunakan mesin jahit. Ia berfungsi menembusi kain dan membawa benang atas melalui kain untuk bertemu dengan benang bawah dari bobbin bagi menghasilkan jahitan yang kukuh dan kemas. Jarum jahit mesin direka untuk mempercepatkan proses menjahit dengan memastikan jahitan sekata, kukuh, dan berkualiti pada pelbagai jenis fabrik. Ia juga memudahkan proses jahitan yang lebih sukar atau rumit, seperti menjahit lapisan tebal atau menghasilkan jahitan hiasan. Kesesuaian jahitan pada jenis fabrik merujuk kepada ketebalan saiz jarum. Ketebalan jarum bersaiz kecil sesuai untuk fabrik ringan, ketebalan jarum saiz sederhana sesuai untuk fabrik sederhana dan ketebalan jarum saiz besar sesuai untuk fabrik tebal.

ALATAN MENJAHIT & FUNGSINYA

JARUM JAHIT TANGAN



FUNGSI

- Fungsi jarum jahit tangan adalah untuk membantu menyambungkan dua atau lebih kepingan kain secara manual dengan menggunakan benang. Jarum jahit tangan digunakan untuk menjahit pelbagai jenis jahitan, seperti jahitan lurus, jahitan sembat, dan jahitan jelujur. Ia juga digunakan untuk menjahit bahagian-bahagian kecil atau perincian yang sukar dilakukan menggunakan mesin jahit, seperti memasang butang, atau membuat hiasan tangan pada kain. Jarum jahit tangan memberikan kawalan yang lebih teliti dalam menjahit, terutamanya untuk kerja-kerja yang memerlukan ketelitian dan ketepatan. Jarum jahit tangan biasanya mempunyai nombor mengikut saiznya, dengan nombor yang lebih kecil (contoh: saiz 1) menunjukkan jarum yang lebih besar dan tebal, dan nombor yang lebih besar (contoh: saiz 10) merujuk kepada jarum yang lebih kecil dan nipis.

ALATAN MENJAHIT & FUNGSINYA

JIDAL



FUNGSI

Jidal (atau thimble) merupakan alatan penting dalam jahitan tangan yang berfungsi sebagai sarung pelindung jari. Fungsinya adalah :

- Melindungi Jari: Menutup dan melindungi jari hantu (jari tengah) daripada tercucuk jarum yang tajam semasa menolak jarum melalui fabrik.
- Membantu Menolak Jarum: Memberi sokongan dan tekanan yang lebih selesa pada pangkal jarum, terutamanya apabila menjahit fabrik tebal atau keras.
- Meningkatkan Keselamatan: Mengelakkan kecederaan jari akibat tekanan berterusan daripada mata jarum.
- Jidal biasanya disarungkan pada jari tengah tangan yang digunakan untuk menjahit.

BENANG



FUNGSI

Fungsi utama benang dalam jahitan adalah sebagai bahan penyambung atau pengikat untuk mencantumkan dua atau lebih kepingan fabrik/bahan. Ia bertindak sebagai mediator yang merapatkan jaringan, memberikan struktur, kekuatan, dan ketahanan pada hasil jahitan. Selain itu, benang digunakan untuk kemasan tepi, jahitan hiasan (sulaman), serta menghasilkan jahitan tersembunyi.

Berikut adalah fungsi terperinci benang dalam jahitan:

- Penyambung Utama: Mencantumkan komponen fabrik bagi menghasilkan pakaian atau tekstil.
- Kekuatan Struktur: Memberi ketahanan supaya jahitan tidak mudah tercabut atau terurai.
- Jahitan Hiasan/Estetika: Digunakan untuk sulaman atau dekorasi bagi menambah nilai estetika pada fabrik.
- Kemasan: Digunakan pada mesin jahit tepi (overlock) untuk mengemaskan tepi fabrik agar tidak berbulu.
- Jahitan Sementara: Benang jelujur digunakan untuk menetapkan kedudukan fabrik sebelum dijahit kekal.
- Fungsi Khas: Benang khas (seperti benang nilon atau benang invisibel) digunakan untuk jahitan tersembunyi atau menjahit manik.

ALATAN MENJAHIT & FUNGSINYA

GELENDONG



FUNGSI

Gelendong benang (bobbin) dalam mesin jahit berfungsi sebagai penyimpan benang bawah dan membekalkannya secara konsisten semasa proses jahitan, membolehkan benang atas dan bawah mengunci bagi menghasilkan jahitan yang sempurna. Ia terletak di dalam sekoci di bahagian bawah mesin.

Fungsi Utama Gelendong Benang:

- Penyimpanan Benang: Menyimpan benang bawah supaya mudah digunakan.
- Pembekalan Benang: Melepaskan benang secara sekata dan terkawal.
- Mengunci Jahitan: Bekerjasama dengan benang jarum (atas) untuk membentuk mata jahitan.

Cara Penggunaan:

- Pengisian: Benang diisi ke dalam gelendong menggunakan mesin, seperti yang ditunjukkan dalam.

SEKOCI



FUNGSI

Sekoci benang (bobbin case) berfungsi untuk menyimpan benang bawah dan mengatur tegangan benang bawah agar jahitan mesin jahit kemas, rapi, dan tidak berkedut. Ia memegang bobbin (gelendong) dan memastikan benang keluar dengan lancar semasa proses menjahit.

Fungsi Utama Sekoci Benang:

- Tempat Penyimpanan: Menyimpan bobbin yang berisi benang bawah.
- Mengatur Tegangan: Menetapkan ketegangan benang bawah supaya tidak terlalu ketat atau longgar.
- Mencegah Kusut: Memastikan benang keluar secara teratur untuk hasil jahitan yang kemas.

Tanpa sekoci yang dipasang dengan betul, benang bawah boleh tersangkut atau jahitan akan menjadi tidak teratur.

ALATAN MENJAHIT & FUNGSINYA

PENARIK BENANG



FUNGSI

Penarik benang selalunya merujuk kepada needle threader, iaitu alat kecil yang digunakan untuk membantu memasukkan benang ke dalam lubang jarum dengan lebih mudah. Ia juga dikenali dengan nama gelaran "mata nenek".

Selain itu, istilah ini juga boleh merujuk kepada beberapa perkara lain antaranya adalah :

1. Alat Menjahit (Needle Threader/Mata Nenek)
   - Fungsi: Memudahkan proses memasukkan benang ke lubang jarum yang kecil, sesuai untuk mereka yang mempunyai masalah penglihatan atau untuk jarum mesin jahit yang sukar dicapai.
   - Cara guna: Masukkan kawat halus alat ini ke dalam lubang jarum, selitkan benang pada kawat tersebut, dan tarik alat itu keluar semula supaya benang ikut tertarik masuk ke dalam lubang jarum.

MESIN JAHIT TEPI



FUNGSI

Mesin jahit tepi (juga dikenali sebagai serger atau overlock machine) digunakan untuk mengemas tepi kain supaya tidak berbulu dan memberikan hasil jahitan yang profesional. Terdapat pelbagai pilihan mengikut keperluan anda, sama ada untuk kegunaan rumah (portable) atau industri.
Berikut adalah beberapa pilihan mesin jahit tepi yang popular di pasaran:

- Mesin Jahit Tepi Rumah (Portable)
- Mesin Jahit Tepi Industri

RUJUKAN

PENGENALAN ALAT DAN BAHAN
POLA ASAS PAKAIAN :

- SMITH, A. (2010). DRESSMAKING: THE COMPLETE STEP-BY-STEP GUIDE.
- ALDRICH, W. (2015). METRIC PATTERN CUTTING FOR WOMEN'S WEAR.
- KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA. BUKU TEKS EKONOMI RUMAH TANGGA TINGKATAN 4 & 5.



PENGENALAN ALAT DAN BAHAN POLA ASAS PAKAIAN

e ISBN 978-629-98486-3-9